



BAB 6: PERUNDANGAN BERKAITAN JALAN RAYA

6.1 ORGANISASI PENGANGKUTAN

 Agensi-ageni yang terlibat dalam perancangan & perlesenan pengangkutan:

1. Unit Perancangan Ekonomi (UPE) Jabatan Perdana Menteri

- Merangka & merancang polisi untuk pembangunan ekonomi sosial.
- Pembentukan & pengulasan pelan sektor & ekonomi pada peringkat perekutuan, kementerian, negeri & wilayah.

2. Jabatan Perancangan Bandar & Desa

- Merancang pembangunan sistem persekitaran, sosioekonomi, fizikal & kualiti hidup yang baik di kawasan bandar & desa serta menyelaraskan sistem kawalan perancangan pembangunan untuk semua negeri.
- Membentuk program pembandaran untuk penyediaan pelan pembangunan di dalam kawasan penguasa tempatan di bawah Akta 172.
- Merancang bandar-bandar baru yang selaras dengan watak sosial & budaya penduduknya.
- Menyediakan piawaian perancangan untuk kemudahan awam, industri, perdagangan, agama, kawasan rekreasi & piawaian jalan raya.
- Menyediakan rancangan penunjuk untuk memperolehi satu sistem perancangan sosial, ekonomi, alam sekitar & infrastruktur yang berkesan untuk wilayah & sub-wilayah yang dibangunkan.

3. Kementerian Perusahaan Awam

- Pengeluaran lesen pengangkutan termasuk bas.

4. Kementerian Kerja Raya (Unit Perancang Jalan)

- perancangan, pembinaan & penyenggaraan jalan raya persekutuan, jalan raya negeri & jambatan.
- Menjalankan kajian kejuruteraan lalulintas seperti kajian isipadu, asalan & tujuan & kajian kemalangan.
- Pemulihan jalan termasuk melebar, membaiki & mengukuhkan turapan, perparitan & perkakasan jalan seperti rel adang, bebendul jalan & lampu jalan.
- Menggubal piawaian jalan raya di Malaysia.

5. Kementerian Sains, Teknologi & Alam Sekitar

- Isu-isu alam sekitar seperti habuk, asap & hangar.

6. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

- Mendaftar & melesen kenderaan bermotor.
- Menguji & melesen pemandu semua jenis kenderaan.
- Mengawal piawaian pembuatan & pengguna kenderaan bermotor.

- Menkuatkuasakan Akta Pengangkutan Jalan 1987 untuk menentukan keselamatan penggunaan jalan raya melalui kerjasama polis negeri.
- Mengawal penggunaan kenderaan perdagangan melalui kerjasama Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan.
- Memungut cukai jalan mengikut Akta 333.

6.2 PERUNDANGAN PENGANGKUTAN

1. *Enakmen Kenderaan 1899*

- Merupakan perundangan pertama yang berkaitan dengan pengangkutan jalan di Malaya. Meliputi kenderaan tidak berenjin seperti kereta kuda & lanca.

2. *Traction Engines and Motor Cars Enactment 1912*

- Perundangan ini meliputi enjin & kereta motor serta peraturan-peraturan jalan raya di Negeri-negeri Melayu Bersekut.

3. *Enakmen Lalulintas Jalan Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1937*

- Enakmen ini lebih menyeluruh.
- Ia meliputi peraturan kenderaan bermotor, peruntukkan untuk risiko pihak ketiga, peruntukkan untuk menggunakan lebuhraya, peraturan mengawal perkhidmatan awam & kenderaan perdagangan serta peruntukan am.

4. *Ordinan Lalulintas Jalan (RTO) 1958*

- Kandungan ordinan

Bahagian I:	definisi tujuan ordinan
Bahagian II:	pengelasan pendaftaran & perlesenan kenderaan bermotor & pemandu.
Bahagian III:	kod lebuhraya & kelajuan, penghadan kemasukkan kenderaan di kawasan-kawasan tertentu, penyediaan tempat letak kereta & lampu isyarat dari jalan masuk ke jalan-jalan sedia ada.
Bahagian IV:	perlindungan insuran bagi pihak ketiga berkenaan penggunaan kenderaan & tanggungjawab pemilik.
Bahagian V:	peraturan untuk pengangkutan perdagangan seperti teksi, kenderaan sewa & kenderaan membawa barang.

5. *Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Road Transport Act – Act 333)*

- Akta ini menggantikan Ordinan Lalulintas Jalan 1958.
- Ia mengandungi 5 bahagian.

Bahagian I:	pengenalan tentang akta
Bahagian II:	pengelasan pendaftaran & perlesenan kenderaan bermotor & pemandu.

- Bahagian III:** jalan-jalan – pembinaan jalan raya mengikut jenis, kodnya agensi yang terlibat, pembinaan infrastruktur seperti lampu & pengurusan lalulintas.
- Bahagian IV:** peruntukkan terhadap risiko pihak ketiga yang timbul daripada penggunaan kenderaan motor.
- Bahagian V:** kesalahan & pelbagai peruntukkan.

Bahagian III (seksyen 68 – 88) dipecahkan kepada 2 bahagian, iaitu:

(i) Keselamatan Lalulintas

- (a) Pihak berkuasa jalan boleh menghadkan atau menghalang mana-mana kenderaan atau kelas-kelas kenderaan tertentu daripada menggunakan jalan di bawah kuasanya selama tidak lebih daripada 30 hari jike perlu disebabkan dengan keadaan jalan atau kerja-kerja pembaikan jalan. Dalam masa 24 jam penghadan ini, pihak berkuasa jalan mesti memberitahu kepada balai polis berdekatan, ketua pegawai polis, ketua pengarah jalan. Dalam masa kuatkuasa ini, notis-notis hendaklah diletakkan di jalan-jalan yang terlibat untuk pemberitahuan.
- (b) Apabila pihak berkuasa jalan mendapati jambatan tidak berupaya, maka
- Memuat kenderaan yang mempunyai berat lebih daripada berat maksimum tertentu.
 - Memuat kenderaan yang mempunyai berat gandarnya lebih daripada berat gandar maksimum yang tertentu.
 - Memuat kenderaan yang mempunyai berat atau berat gandarnya masing-masing lebih daripada berat maksimum tertentu apabila berjalan dengan kelajuan lebih daripada kelajuan maksimum tertentu.
- (c) Kenderaan-kenderaan boleh dihadkan atau dihalang menggunakan jalan-jalan melalui perintah di dalam Warta jika:
- Boleh membahayakan keselamatan pengguna-pengguna lain.
 - Jalan tidak sesuai untuk kenderaan tersebut.
 - Bagi menyenangkan pembaikan atau pembinaan semula jalan.
- (d) Perintah Larangan Berat (Jalan Persekutuan) 1989 menyatakan larangan berat sebagai beban roda maksimum, beban gandar maksimum dan berat bersih kenderaan maksimum bagi susunan gandar yang berbeza untuk lain-lain Jalan Persekutuan. Arahan baru ini berbeza dengan arahan tahun 1966 dengan pengenalan gandar. Arahan 1966 hanyalah berdasarkan jumlah gandar tetapi arahan 1989 berdasarkan dengan jumlah gandar, 'axel spread' & 'wheel base'.
- (e) Kebenaran penguasa jalan perlu diperolehi bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:
- Membina jalan akses untuk menghubungkan apa-apa jalan.
 - Membina parit untuk menghubungkan parit yang dibina di tepi jalan.
 - Melakukan apa-apa jenis kerja dalam, pada, atas ataudi bawah apa-apa jalan.

(f) Had laju

- Menteri boleh menetapkan had laju kebangsaan bagi segala jalan di Malaysia melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.

Had Laju Kebangsaan (mulai 1989)

- Had laju semua jalan di Malaysia kecuali lebuh raya Utara-Selatan iaitu 90 km/j dan had laju lebuh raya Utara-Selatan 110 km/j.

Had Laju Tempatan (mulai 1/12/1991)

- 60 km/j bagi jalan '*single carriageway*' di kawasan bandar & 70 km/j bagi jalan '*dual carriageway*'.

(g) Jika ada struktur atau objek yang dibina di atas jalan atau bahu jalan yang boleh membahayakan trafik, pihak berkuasa jalan boleh membuangnya tanpa sebarang notis. Jika tidak membahayakan, pihak berkuasa boleh mengarahkan ia dibuang melalui notis yang disampaikan atau ditampal pada struktur tersebut. Jika tidak dibuang dalam masa yang telah ditetapkan atau sebulan dari tarikh notis dikeluarkan, pihak berkuasa boleh membuang struktur tersebut dan mendapatkan bayaran kos daripada pihak yang membinanya.

(h) Adalah menjadi kesalahan mendirikan bonggol, tali, wayar, rantai & sebagainya melintang pada jalan atau sebahagiannya yang mana boleh membahayakan kecuali pihak berkenaan dapat menunjukkan bahawa pihak berkenaan mempunyai hak untuk berbuat demikian.

(i) Tidak boleh melakukan pertandingan atau menduga kelajuan di atas jalan tanpa kebenaran bertulis daripada menteri atau pihak berkuasa yang berkaitan. Kenderaan boleh disita dengan perintah mahkamah.

(j) Lintasan pejalan kaki boleh dibina selepas berbincang dengan Ketua Pegawai Polis & dibenarkan oleh menteri.

(k) Bagi memelihara trafik daripada bahaya atau mengelakkan bahaya kepada pelintas jalan, pihak berkuasa berkenaan boleh mendirikan tempat perlindungan, bonggol, '*subway*' atau titian.

(ii) Isyarat Lalulintas

- (a) Pihak-pihak yang boleh mendirikan isyarat di atas atau hampir dengan jalan ialah:
- i. Pihak berkuasa jalan.
 - ii. Pegawai polis semasa melaksanakan tugasnya.
 - iii. Pegawai awam lain yang dibenarkan di bawah undang-undang bertulis.
 - iv. Tuan punya atau pekerja jalan keretapi, keretapi ringan, trem, dok atau pelabuhan.

- (b) Adalah salah bagi orang-orang yang tidak dibenarkan untuk meletakkan isyarat-isyarat atau iklan-iklan yang boleh mengganggu pandangan isyarat yang diletakkan mengikut undang-undang.
- (c) Isyarat lalulintas metilah mengikut saiz, warna & jenis yang ditetapkan.
- (d) Pihak berkuasa berkenaan boleh mengeluarkan notis bertulis bagi meminta tuan punya:
 - i. Untuk membuang isyarat atau objek yang menyerupai isyarat lalulintas yang didirikan atau iklan atau struktur yang menghalang pandangan isyarat daripada pemandu.
 - ii. Memotong pokok atau tumbuhan yang manghalang pandangan isyarat-isyarat lalulintas.
- (e) Adalah menjadi kesalahan bagi pejalan kaki atau pemandu tidak mematuhi isyarat.

6. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)

- tujuan akta ini adalah untuk mencegah, menghapus, mengawal pencemaran serta membaiki alam sekeliling & perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
- Peraturan-peraturan yang berkaitan dengan jalan adalah seperti berikut:
 - (a) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum dalam Gasolin Motor) 1985
 - v. Sekatan mengimport atau menghalang gasoline motor dengan kandungan plumbum melebihi 0.4 gram/ liter.
 - vi. Sekatan memiliki gasoline motor mengandungi plumbum melebihi 0.4 gram/ liter selepas 1, Januari 1986.
 - vii. Sekatan mengimport, menghalang, memiliki gasoline motor dengan kandungan plumbum melebihi 0.15 gram/ liter selepas 1, Januari 1990.
 - (b) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987
 - i. Paras bunyi maksimum yang dikeluarkan oleh kenderaan motor 2 atau 3 roda yang dipasang & dikilang selepas 1, Januari 1990 ialah paras bagi standart B.
 - ii. Paras maksimum yang boleh dikeluarkan oleh kenderaan melebihi 3 roda ialah seperti dalam standart C.
 - (c) Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas)
 - i. Tidak dibenarkan menggunakan atau menyebabkan kereta mengeluarkan asap dengan ketumpatan melebihi 50 Unit Asap Hartridge atau yang standing dengannya.
 - ii. Carta Asap Ringelmann boleh digunakan disamping carta Hartridge/Ringelmann untuk memeriksa ketumpatan pelepasan asap.
 - iii. Had asap bermaksud maksimum ketumpatan asap kekaburan yang boleh diterima bagi apa-apa jua isipadu yang dilepaskan kenderaan oleh sesuatu

kereta motor pada bila-bila masa di tempat punca atau hampir dengan punca tempat pelepasan asap.


7. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Penilaian Kesab Pada Alam Sekeliling) 1987

- i. Perintah ini mula dikuatkuasa pada 1 Januari, 1988.
- ii. Penilaian kesan alam sekeliling (EIA) ialah kajian bagi mengenalpasti, meramal, manilai & menyampaikan maklumat berkenaan kesan ke atas alam sekeliling bagi projek cadangan & untuk memperincikan langkah-langkah pengawalan sebelum sesuatu projek dibenarkan & dilaksanakan.
- iii. EIA ialah alat perancangan untuk mengelak masalah-masalah alam sekeliling disebabkan sesuatu tindakan.
- iv. Untuk mengelakkan kesilapan-kesilapan yang mahal disebabkan kerosakan alam sekeliling semasa pembinaan atau disebabkan perubahan-perubahan yang perlu diambil agar projek itu boleh diterima.

Aktiviti-aktiviti yang perlu dilakukan EIA yang berkaitan dengan pengangkutan dan pembinaan jalan:

- | | | |
|---------------------|---|--|
| 1. Lapangan terbang | - | pembinaan lapangan terbang
(landasan 2500 m atau lebih) |
| | - | landasan di kawasan taman negeri/ negara |
| 2. infrastruktur | - | pembinaan expressway |
| | - | pembinaan national highway |
| 3. kuari | - | dalam lingkungan 3 km dari kawasan perumahan,
perdagangan atau perindustrian. |
| 4. jalan keretapi | - | pembinaan laluan baru |
| | - | pembinaan laluan cabang |
| 5. pengangkutan | - | <i>mass rapid transport system</i> |

Proses & prosedur penilaian kesan alam sekeliling (EIA)



8. Akta Perancangan Bandar dan Desa Tahun 1976 (Akta 172)

- Mengadakan kawalan & peraturan untuk merancang bandar & desa di kawasan pihak berkuasa tempatan Semenanjung Malaysia.
- Penguasa-penguasa tempatan bertanggungjawab mengatur, mengawal & merancang pembangunan guna tanah & bangunan di kawasannya.

Definisi:

- i. Pelan struktur
 - Rangka kerja konseptual yang menyeluruh & matlamat perancangan yang meluas. Dasar jangka masa panjang (15 – 20 tahun).
 - Mentafsir dasar nasional & wilayah.
 - Beri rangka kerja untuk pelan tempatan.
 - Tunjukkan kawasan tindakan.
 - Menjadi asas untuk penyelarasan keputusan kerajaan.
- ii. Pelan tempatan
 - Suatu peta berserta pernyataan bertulis yang menunjukkan secara terperinci segala cadangan pihak berkuasa perancangan tempatan untuk pembangunan & penggunaan tanah di kawasan pelan tempatan termasuk langkah-langkah pembaikan alam sekitar, fizikal, pembaikan komunikasi, pengurusan lalulintas.
 - Terjemahkan strategi pelan struktur.

6.3 KESAN PENGANGKUTAN KE ATAS ALAM SEKITAR

6.3.1 Faktor-faktor persekitaran yang disebabkan oleh kenderaan

1. Bunyi bising/ hangar
2. Getaran
3. Pencemaran udara
4. Kelengahan bagi pejalan kaki
5. Bahaya
6. Kemalangan
7. Kenderaan barangan merbahaya

6.3.2 Faktor-faktor persekitaran yang disebabkan oleh infrastruktur

1. Kemerostan nilai akibat perancangan
2. Penggunaan tanah
3. Pemisahan
4. Pencerobohan visual
5. Kehilangan suasana aman
6. Estetik
7. Kesan pembinaan

6.3.3 Kesan-kesan akibat daripada faktor-faktor persekitaran

- | | | | |
|----|------------------|---|-----------------------|
| 1. | Nilai/ kos terus | - | hilang kecekapan |
| | | - | kelengahan/ kelewatan |
| 2. | Kesihatan | - | hilang pendengaran |
| | | - | kerosakan paru-paru |
| 3. | Psikologi | - | perasaan marah |
| | | - | perasaan takut |

6.4 PENYELESAIAN & CADANGAN

1. Tingkatkan taraf infrastruktur
 - Pemisahan bunyi bising/ hangar
 - Lintasan pejalan kaki
 - Rupabumi
2. Tingkatkan taraf kenderaan
 - Kawalan bunyi bising/ hangar
 - Kawalan lepasan gas
 - Piawaian keselamatan
3. Lindungi orang awam
 - Penebat
 - Rekabentuk bangunan
 - Gantirugi
4. Kurangkan trafik
 - Pengurusan persekitaran
 - Penahanan trafik
 - Laluan alternatif

Cadangan Isu-isu bagi Mengenalpati Masalah

Kumpulan isu	Tajuk isu
Kecekapan	<p>Kelewatan</p> <ul style="list-style-type: none"> - kenderaan persendirian - kenderaan perdagangan - penunggang motorsikal/ basikal - pejalan kaki
Keselamatan	Kemalangan jalan raya
Persekitaran manusia	<p>Pengguna</p> <ul style="list-style-type: none"> - bunyi bising/ hangar <p>Kemudahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - getaran - kesan visual <p>Pejalan kaki</p> <ul style="list-style-type: none"> - bunyi bising - kelewatan - pencemaran udara - kesan visual - pemisahan - perasaan takut/ ugutan

Isu Tambahan yang Digunakan untuk Penilaian

Persekitaran manusia	Gangguan semasa pembinaan
Persekitaran fizikal	<ul style="list-style-type: none"> - Kawasan kenservatif & bersejarah. - Rupabentuk & sifat bumi
Kos ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> - Tanah & harta benda - Pembinaan - Penyelenggaraan jalan - Operasi kenderaan
Polisi	<ul style="list-style-type: none"> - Polisi kerajaan pusat - Pelan struktur - Pelan tempatan - Polisi lain-lain agensi

Rujukan:

Ahmad Kamal Ariffin Bin Abd Rahim, (2002). “Kejuruteraan Jalan Raya dan Lalulintas”. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Batu Pahat, Johor.

Abdul Latif Halim, “Kejuruteraan Jalan Raya”. Jabatan Kejuruteraan Awam, POLIMAS: Kedah.

Everett C. Carter, Wolfgang S. Homburger, (1994). “Pengenalan Kejuruteraan Pengangkutan”. Terjemahan: Amiruddin Ismail. Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Meor Othman Hamzah, Asri Hasan, Mohamed Rehan Karim, (1993). “ Reka Bentuk Jalan Raya Untuk Jurutera”. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.